

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	26/08/2017B

Bagi menepis dakwaan pembangkang negara akan bankrap – Najib

# Cerita perkara sebenar

um - 26/8/2017 pg. 2

Oleh **ZULHISHAM ISAHAK**  
dan **NURUL HUDA HASSAN**  
pengarang@utusan.com.my

■ **JOHOR BAHRU 25 OGOS**

**P**EMIMPIN dan ahli UMNO tidak boleh jemu untuk terus menerangkan kepada rakyat tentang keupayaan kerajaan memacu transformasi negara demi kesejahteraan rakyat berdasarkan amalan pengurusan kewangan yang baik dan kedudukan ekonomi pada landasan kukuh, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata, tindakan tersebut bagi menepis dakwaan pembangkang bahawa negara akan bankrap yang ternyata adalah fitnah dan tidak berasas sama sekali.

Beliau yang juga Menteri Kewangan menyifatkan dakwaan itu hanya untuk mengalirkan

rakyat serta menghilangkan keyakinan terhadap UMNO dan Barisan Nasional (BN).

“Rizab antarabangsa (negara) kini bernilai RM400 bilion dan itu secara langsung menunjukkan kewangan negara masih kukuh. Jadi tidak bolehlah kita percaya dakwaan pembangkang sebab mereka nak hilangkan keyakinan rakyat kepada kita (kerajaan).

“Politik adalah mengenai persepsi, asalkan ada orang sangsi kepada kerajaan sudah cukup. Kita (orang UMNO) kena terangkan naratif cerita sebenar walaupun kita kena ulang banyak kali bahawa Malaysia berada di atas landasan ekonomi yang kukuh dan kita mampu memacu transformasi untuk kesejahteraan rakyat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Johor Bahru di Hotel Holiday Villa

di sini, hari ini.

Yang turut hadir ialah Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Ketua UMNO Bahagian Johor Bahru, Tan Sri Shahrir Abdul Samad.

Najib berkata, Februari lalu, Fitch Ratings mengesahkan Penarafan Kemungkinan Penerbit (IDR) mata wang asing dan tempatan jangka panjang Malaysia masing-masing kepada A- dan A dengan unjuran stabil serta menunjukkan pengurusan kewangan negara masih baik.

Perkembangan tersebut katanya, didorong komitmen kerajaan terhadap usaha pengukuhan fiskal, kestabilan ringgit serta pertumbuhan rizab dan ekonomi yang lebih kukuh.

Sementara itu, kerajaan akan berbincang dengan Jabatan Kastam Diraja (JKDM) berhubung status tanah seluas 24 hektar mi-

lik jabatan tersebut di Kampung Kastam di sini yang terbiar untuk dibangunkan dengan projek memanfaatkan rakyat.

Jelas Perdana Menteri, cadangan tersebut susulan permintaan Shahrir yang juga Ahli Parlimen Johor Bahru mahukan tanah itu dibangunkan untuk kepentingan warga bandar raya.

“Saya tertarik cadangan dikedudukan Tan Sri Shahrir termasuk membangunkan perumahan untuk rakyat dan menjual rumah berharga RM40,000 yang ramai orang dapat. Saya akan berunding dengan Kastam dan boleh membawanya ke dalam Mesyuarat Jemaah Menteri,” ujarnya.

Najib turut mengumumkan peruntukan RM2 juta untuk Yayasan Bandaraya Johor Bahru bertujuan membantu meringankan beban warga kota dalam keadaan kos sara hidup tinggi ketika ini.